“Tidak boleh melakukan sesuatu yang memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh memudaratkan orang lain. Sesiapa yang melakukan kemudaratan maka Allah akan memudaratkannya, dan sesiapa yang menyusahkan orang lain, Allah akan menyusahkannya.”

Daripada Abu Sa‘id al-Khudri رضي الله عنه bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda: “Tidak boleh melakukan sesuatu yang memudaratkan diri sendiri dan tidak boleh memudaratkan orang lain. Sesiapa yang melakukan kemudaratan maka Allah akan memudaratkannya, dan sesiapa yang menyusahkan orang lain, Allah akan menyusahkannya.”

[صحيح بشواهده] [رواه الدارقطني]

Rasulullah صلى الله عليه وسلم menjelaskan bahawa wajib menolak segala bentuk kemudaratan dalam pelbagai jenis dan keadaannya, sama ada terhadap diri sendiri mahupun orang lain. Tidak boleh bagi sesiapa untuk mencederakan dirinya sendiri atau orang lain dengan apa jua cara sekalipun. Begitu juga, tidak boleh baginya membalas kemudaratan dengan kemudaratan kerana kemudaratan tidak boleh dihapuskan dengan kemudaratan kecuali dalam bentuk qisas dengan tanpa melampaui batas. Kemudian Rasulullah صلى الله عليه وسلم menjelaskan ancaman bahawa sesiapa yang memudaratkan orang lain akan ditimpa kemudaratan dan sesiapa yang menyusahkan orang lain akan ditimpa kesusahan.

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/4711